

Aidilfitri bukan untuk bermewah-mewah

Oleh AHMAD
FADHULLAH ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kira-kira 20 juta umat Islam di negara ini dinasihatkan tidak berbelanja melebihi kemampuan kerana sambutan Aidilfitri bukanlah satu sunnah untuk bermewah-mewah.


Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Datuk Wan Mohamad Sheikh Abd Aziz berkata, masyarakat Islam memang dituntut untuk menyambut Aidilfitri dalam suasana yang bergembira melalui pelbagai cara dan pendekatan.

Paling utama, katanya, adalah dengan mengeratkan lagi hubungan silaturahim melalui aktiviti ziarah, saling mendoakan serta ingat mengingati.

“Hakikatnya, kita mahu zahirkan kegembiraan kerana kita telah berjaya melalui satu proses madrasah Ramadan yang boleh menjana kekuatan kerohanian untuk berdepan dengan 11 bulan berikutnya sehingga Allah izinkan kita bertemu semula dengan Ramadan akan datang.

“Pastinya dalam menzahirkan kegembiraan, ia termasuk dengan kita bersikap murah hati berbelanja khususnya kepada orang tersayang, ahli keluarga dan jiran kerana saling menghadiahkan satu sunnah mulia, yang bergantung kepada kemampuan dan keupayaan.

“Namun sambutan Aidilfitri bukan untuk bermewah-mewah, tetapi ia lebih kepada memberi



TOKOH agama menasihatkan umat Islam yang kini sibuk membuat persiapan akhir termasuk pulang ke kampung untuk berhari raya agar bersederhana meraikan lebaran esok. - UTUSAN/AMIR KHALID

nilai kasih sayang dan ingatan yang terpahat dalam hati dan fikiran kita,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Justeru, Wan Mohamad yang juga Timbalan Pengurus Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) berkata, orang ramai perlu berbelanja secara berhemah dan elak pembaziran.

Sementara itu, Pengurus PUM Wilayah Persekutuan, Datuk Mohamad Abdullah berkata, umat Islam disaran meneruskan sebahagian besar amalan yang dilakukan Ramadan pada bulan-bulan seterusnya terutama menuaikan solat berjemaah di masjid serta menghadiri majlis ilmu.

“Kena jaga hasil daripada sebulan latihan pada Ramadan.

Apabila sudah raya, mahu mula semula mungkin lambat, jadi tidak boleh ditinggalkan. Kena sentiasa bersama,” katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Dekan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Ts. Dr. Anuar Shah Bali Mahomed berkata, umat Islam disaran berbelanja mengikut keperluan pada sambutan Aidilfitri kali ini.

Katanya, ia susulan keadaan ketidaktentuan ekonomi, kenakan kos sara hidup serta peningkatan sebahagian harga barang.

“Jangan berlebihan berbelanja sebab akan menyebabkan kita berhadapan defisit atau tidak cukup wang selepas musim perayaan,” katanya.